



SIRI SEMINAR SARJANA TAMU ATMA  
**JALAN PENARIKAN**  
**(MALAYSIAN SILK ROAD)**

**Prof. Norhalim Ibrahim**  
**22 Jun 2007**  
**10.30 pagi @ Sudut Wacana ATMA**

**Jalan Penarikan ialah:**

1. Jalan daratan yang tertua di Semenanjung Malaysia. Ia telah digunakan sejak awal abad Masihi.
2. Jalan ini menghubungkan pantai barat bermula di Kuala Sungai Muar dan berakhir di Kuala Sungai Pahang atau sebaliknya.
3. Jalan alternatif bagi jalan laut iaitu melalui Temasik (Singapura sekarang), terutama pada musim laut bergelora.
4. Merupakan laluan perdagangan dan politik dan digunakan hingga abad ke-20.
5. Laluan Hang Tuah melarikan Tun Teja dari Pahang.
6. Laluan pelarian pembesar-pembesar Melayu Melaka, Pahang dan Negeri Sembilan apabila dikalahkan oleh musuh sama ada tempatan ataupun barat.
7. Laluan penghijrah Sumatera membuka beberapa buah 'negeri' yang menganggotai persekutuan Negeri Sembilan asal.

**Biodata**

Norhalim Hj Ibrahim dilahirkan di Rembau kira-kira 63 tahun yang lalu. Telah melanjutkan pengajian ke Universiti Hull, England dalam bidang antropologi dan sekembalinya, telah dilantik menjadi pensyarah di Universiti Pertanian Malaysia hingga bersara dalam tahun 1999. Sepanjang kerjaya Norhalim sebagai guru dan pensyarah, tumpuan penyelidikan beliau adalah sejarah dan budaya Negeri Sembilan. Norhalim telah menerbitkan artikel dan buku mengenai budaya dan sejarah Negeri Sembilan. Sebahagian besar daripada hasil penyelidikan beliau masih dalam bentuk manuskrip dan kini tersimpan di ATMA untuk didigitalisekan. Antara buku yang telah diterbitkan ialah *Adat Perpatih* (1993), *Negeri Yang Sembilan* (1995), *Perkahwinan Adat Negeri Sembilan* (1996), *Sejarah Linggi* (1998), *Glosari Adat Negeri Sembilan* (2003) dan *Perbilangan atau Terombo?* (2003). Buku yang sedang dicetak dan akan dilancarkan pada bulan Julai 2007 ialah *Perkahwinan Adat Negeri Sembilan* (edisi ke-2) dan *Adat Berpuar dan Pertahanan*.

**Institut Alam dan Tamadun Melayu**  
**Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan,**  
**Malaysia**

**Tel: (603) 8921-5254, Fax: (603) 8925-4698**  
**E-mail: [pghatma@pkrisc.cc.ukm.my](mailto:pghatma@pkrisc.cc.ukm.my)**